

KEBERKESANAN PELAKSANAAN SKIM BANTUAN AM BULANAN  
: TUMPUAN DI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH SARATOK

PERPUSTAKAAN UiTM SARAWAK

Oleh:

PROJEK PELAJAR

JEMAT AK KANCHIN

KENNETH AK NUMAN

YALIN AK ASAN

Kertas projek ini dikemukakan kepada Fakulti  
Pentadbiran dan Undang-Undang, UiTM Cawangan Sarawak bagi  
memenuhi sebahagian daripada keperluan  
Diploma Pentadbiran Awam

FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK  
KOTA SAMARAHAN

APRIL 2000

## ABSTRAK

Kajian ini banyak menyentuh aspek-aspek yang berkaitan dengan beberapa kepincangan yang sedang dan akan dihadapi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Saratok (JKMDS) dalam melaksanakan Skim Bantuan Am Bulanan (SBAB) secara profesional dan cekap. Kedapatan sekarang bahawa SBAB tidak memenuhi citarasa dan inspirasi sebilangan besar penerima-penerima Bantuan Am Bulanan (BAB) kerana kadar BAB yang berbeza-beza mengikut saiz sesebuah keluarga. Kadar BAB minimum yang telah ditetapkan ialah RM40.00 sebulan dan maksimum RM175.00 sebulan. Memikul tanggungjawab terhadap kebajikan masyarakat bukan merupakan suatu perkara yang boleh diambil mudah tetapi ia memerlukan pengalaman, kemahiran dan kepakaran dalam melaksanakannya di samping mendapat kerjasama dari semua pihak terutamanya jabatan-jabatan kerajaan yang lain yang difikirkan boleh memberi sumbangan kepada para penerima BAB yang merupakan masyarakat yang kurang bernasib baik. Di dalam kajian ini, jumlah sampel yang digunakan ialah 246 orang penerima-penerima BAB yang terdiri daripada kaum Iban yang akan dianalisis sebagai data kajian. Kajian ini hanya tertumpu kepada kaum Iban sahaja memadamkan majoriti penduduk di Daerah Saratok didiami oleh kaum Iban iaitu berjumlah 19,455 orang; 11,450 orang kaum Melayu; 6,193 orang kaum Cina; 63 orang kaum Melanau; 67 orang kaum Bidayuh dan 29 orang kaum lain-lain mengikut banci penduduk pada tahun 1999. Secara tidak langsung, kajian ini dapat membantu sejauh mana pembangunan masyarakat kaum Iban di Daerah Saratok dapat mengecapi arus pembangunan di dalam konteks pembangunan moden pada masa sekarang. Apa yang jelas ialah kebanyakan masyarakat kaum Iban di Daerah Saratok tidak bergantung sepenuhnya kepada BAB tetapi mereka lebih bekerja berdikari sendiri untuk mencari nafkah bagi meneruskan hidup ini. Kaum Iban yang menerima BAB rata-ratanya adalah terdiri daripada orang-orang balu, janda, orang tua, orang kurang upaya, pesakit melarat, tanggungan banduan, dan lain-lain yang dikenali sebagai "masyarakat yang kurang bernasib baik". Kaedah penjadualan digunakan di dalam kajian untuk menggambarkan statistik penerima-penerima BAB di JKMD.

## KANDUNGAN

### MUKA SURAT

Abstrak	
Biodata Diri Penyelidik	i - ii
Perakuan	iii
Penghargaan	iv - v
Isi Kandungan Bab	vi - viii
Senarai Jadual	ix - x
Senarai Rajah	xi
Singkatan	xii - xiii
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	<b>1 - 31</b>
1.0 Pengenalan Kajian	1 - 3
1.1 Pernyataan Masalah	4 - 12
1.2 Matlamat Kajian	12 - 25
1.3 Ruang Lingkup Kajian	26 - 27
1.4 Kepentingan Kajian	27 - 28
1.5 Had Kajian	28 - 29
1.6 Hipotesis	30 - 31

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.0 Pengenalan Kajian

Malaysia akan menjadi sebuah negara maju dan industri sepenuhnya menjelang tahun 2020 setanding dengan negara-negara maju di dunia yang lain. Pada tahun 2020, Malaysia boleh menjadi sebuah negara maju yang bersatu dengan masyarakat yang yakin, mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh, hidup dalam masyarakat yang demokratik, liberal dan bertolak ansur, penyayang, adil dari segi pengagihan ekonomi, progresif dan makmur, mempunyai penguasaan secara total dalam ekonomi yang bersaing, dinamik, giat dan kental. Dalam usaha mencapai hasrat ini, kebajikan masyarakat merupakan wadah utama untuk membentuk wajah masyarakat yang berkeyakinan dan berketerampilan diri, khasnya masyarakat yang berkeperluan dan kurang bernasib baik seperti penerima-penerima BAB seiringan dengan masyarakat biasa yang lain untuk turut sama menjayakan misi wawasan negara ini. Bagi menyahut seruan ini, sembilan cabaran strategik yang terkandung di dalam wadah Wawasan 2020 yang telah diilhamkan oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia semasa merasmikan Persidangan Pertama Majlis Perdagangan Malaysia pada 28 Februari 1991 di Kuala Lumpur. Di antara sembilan cabaran strategik tersebut, cabaran ketujuh adalah bersesuaian dengan topik perbincangan ini yang bermaksud, "untuk mewujudkan masyarakat penyayang dan berbudaya ikram iaitu sistem sosial yang mana kepentingan masyarakat lebih utama daripada diri sendiri, yang mana kebajikan insan tidak hanya berkisar kepada negara atau orang perseorangan tetapi disekelilingi oleh sistem kekeluargaan yang kukuh dan efektif".



lagi kerana anak-anak telah dewasa sudah boleh berdikari sendiri, meninggal dunia, dan sebagainya tidak dilaporkan oleh Tuai-tuai Rumah ke Pejabat. Keadaan ini menyebabkan BAB terpaksa dibayar terus kepada penerima-penerima BAB berkenaan sehinggalah perkara sebenar diketahui baharulah BAB boleh diberhentikan sert-merta. Ketidakprihatinan mereka di dalam hal ini telah menyebabkan pihak Jabatan terpaksa menanggung perbelanjaan yang berlebihan kerana membayar penerima-penerima BAB yang sepatutnya tidak layak untuk dibayar BAB lagi.

## **1.2 Matlamat Kajian**

Kajian ini amat penting dijalankan untuk mengenalpasti segala kelemahan dan masalah yang timbul dalam pelaksanaan SBAB terutama di JKMDs. Ini juga termasuk pengurusan kewangan dan kakitangan. Diantara matlamat-matlamat kajian dijalankan adalah seperti berikut:-

- (i) Merealisasikan JKMDs sebagai sebuah Jabatan yang benar-benar prihatin dan komited terhadap segala masalah yang dihadapi oleh masyarakat yang kurang bernasib baik dan demi untuk membangunkan individu-individu dan institusi-institusi kekeluargaan.

Di dalam ertikata yang lain, JKMDs bukan sekadar memberikan BAB tetapi memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada orang perseorangan dan keluarga yang menghadapi masalah kewangan agar mereka dapat menjalani liku-liku hidup ini dengan penuh kesabaran dan jati diri. Mengenalpasti penerima-penerima BAB yang mempunyai kemahiran dan keyakinan dalam bidang-bidang keusahawanan, perniagaan, dan sebagainya.